

OUCH!

Surat Berita Bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer

# Melupuskan Peranti Mudah Alih Anda

## Gambaran Keseluruhan

Dari hari ke hari, peranti mudah alih seperti telefon pintar, jam tangan pintar dan tablet semakin moden dan inovatif dan sesetengah individu gemar menukar peranti mudah alih mereka dengan kerap. Namun, kebanyakan dari mereka tidak menyedari terdapat banyak maklumat peribadi yang terkandung di dalam peranti mudah alih tersebut. Sekiranya peranti mudah alih anda diberikan oleh majikan, atau jika terdapat maklumat kerja yang disimpan di dalam peranti tersebut, pastikan anda menyemak cara yang betul untuk membuat sandaran dan prosedur pelupusan yang betul dengan majikan anda sebelum melupuskan peranti tersebut. Oleh itu, berikut adalah beberapa perkara yang mungkin terdapat pada peranti mudah alih anda.

## Maklumat Anda

Tanpa kita sedari, peranti mudah alih yang kita gunakan menyimpan pelbagai maklumat peribadi dan kebiasaannya maklumat yang terkandung di dalamnya adalah lebih banyak berbanding yang disimpan di komputer peribadi pengguna. Antara maklumat yang terkandung di dalamnya adalah:



- Tempat tinggal, tempat kerja dan tempat-tempat yang pernah dilawati
- Maklumat perhubungan di dalam buku alamat termasuk ahli keluarga, rakan-rakan dan teman sekerja
- Maklumat panggilan telefon seperti panggilan keluar dan masuk, mel suara dan panggilan tidak berjawab
- Mesej dan sesi perbualan di dalam aplikasi yang dipasang, contohnya aplikasi perbualan, permainan dan media sosial
- Maklumat pelayaran Internet, maklumat carian, kuki dan laman cache
- Gambar peribadi, video dan rekod audio
- Kata laluan yang disimpan termasuk akses ke dalam pelbagai akaun seperti akaun bank, media sosial dan e-mel
- Maklumat kesihatan termasuklah umur, kadar degupan jantung, maklumat senaman dan tekanan darah

## Memadamkan Data di dalam Peranti

Berikut adalah beberapa tips untuk memadamkan data-data tersebut sebelum anda melupuskan peranti anda.

Terdapat pelbagai cara untuk melupuskan sesebuah peranti mudah alih seperti mendermakannya, menukarnya dengan peranti yang baru, memberikannya kepada ahli keluarga yang lain, menjual semula peranti tersebut atau membuangnya. Walaubagaimanapun, sebelum anda melupuskan peranti tersebut, pastikan semua maklumat sensitif anda dipadamkan terlebih dahulu. Sekadar memadamkan maklumat di dalam peranti tersebut adalah tidak mencukupi, anda perlu memadamkan segala data dan maklumat di dalamnya dengan menggunakan cara yang selamat. Cara yang paling mudah untuk memadamkan data di dalam sesebuah peranti mudah alih ialah dengan menetapkan semula peranti tersebut, namun cara yang lebih selamat adalah dengan membolehkan enkripsi sebelum set semula peranti. Enkripsi pada peranti peranti mudah alih yang terkini boleh

dilakukan dengan mengaktifkan skrin kunci. Akhir sekali, sentiasa simpan data sandaran sebelum anda set semula sesebuah peranti. Fungsi set semula berbeza mengikut peranti. Berikut adalah cara-cara untuk set semula dua sistem operasi mudah alih yang kerap digunakan:



- Peranti Apple iOS : Seting | Umum | Reset | Padam Semua Kandungan dan Seting
- Peranti Android: Aturan | Privasi | Aturan semula data kilang

## SIM & Kad Eksternal

Selain daripada peranti mudah alih, anda juga perlu mengambil kira mengenai kad SIM (Subscriber Identity Module) yang digunakan. Sesebuah kad SIM diperlukan untuk membuat sambungan selular dan data pada sesebuah peranti. Walaupun anda telah memadam maklumat di dalam peranti, kad SIM tersebut masih memiliki maklumat akaun anda. Jika anda ingin menggunakan nombor telefon yang sama pada peranti yang baru, anda boleh memaklumpkannya kepada penyedia perkhidmatan telefon anda untuk memindahkan kad SIM tersebut ke peranti telefon yang baru. Jika ia tidak boleh dilakukan, simpan kad SIM tersebut bersama anda atau musnahkannya untuk mengelakkan orang lain dari menggunakan kad SIM tersebut untuk menyamar sebagai anda dan mendapat capaian terhadap maklumat peribadi anda. Akhir sekali, sesetengah peranti Android mempunyai storan kad SD (Secure Digital) sebagai storan tambahan. Oleh itu, sekiranya anda menggunakan peranti Android, keluarkan kad SD tersebut terlebih dahulu sebelum anda melupuskan peranti tersebut. Kad SD anda boleh digunakan pada peranti yang baru atau boleh digunakan sebagai storan umum pada komputer dengan menggunakan penyusai USB. Namun jika kad SD anda sudah rosak dan tidak boleh digunakan lagi, adalah lebih baik sekiranya anda memusnahkannya sendiri.

Jika anda tidak pasti mengenai cara-cara yang tepat untuk melupuskan peranti anda ataupun jika peranti anda mempunyai pilihan set semula yang berbeza, anda boleh membawa peranti mudah alih tersebut ke kedai peranti mudah alih dan dapatkan bantuan daripada juruteknik terlatih. Akhir sekali, anda boleh mempertimbangkan untuk menderma peranti anda daripada membuangnya. Beberapa organisasi amal menerima peranti mudah alih untuk di kitar semula dan kebanyakan penyedia perkhidmatan mudah alih juga menyediakan tong kitar semula peranti di kedai mereka.

## Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snsc.skmm.gov.my/>.

## Editor Jemputan

**Christopher Crowley** (@CCrowMontance) merupakan seorang konsultan di dalam bidang operasi keselamatan yang berpusat di Washington DC dan merupakan seorang tenaga pengajar senior di Institut SANS. Beliau juga mempunyai akaun Twitter dan blog dan bakal menerbitkan sebuah buku mengenai Pusat Operasi Keselamatan.



## Sumber

SANS Course: Pen Testing Mobile Devices:

<https://sans.org/sec575>

SANS Course: Advanced Smartphone Forensics Course:

<https://sans.org/for585>

FTC Advice on Disposing Your Mobile Device:

<https://www.consumer.ftc.gov/articles/0200-disposing-your-mobile-device>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS Security Awareness dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0 license](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal. Untuk edisi lepas atau versi diterjemahkan, lawati [www.sans.org/security-awareness/ouch-newsletter](http://www.sans.org/security-awareness/ouch-newsletter). Editor: Walt Scrivens, Phil Hoffman, Alan Waggoner, Cheryl Conley | Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie